

BAB KEENAM

ANALISIS WACANA SURAH AL-KAHF

6.0. Pengenalan

Wacana al-Qur'an pada asalnya adalah berbentuk lisan kerana ia disampaikan secara wahyu lisan daripada Allah (s..w.t) kepada Nabi Muhammad (s.a.w) dengan perantaraan Malaikat Jibril. Al-Qur'an adalah bersifat *qadi:m* dan *azaliyy*, bukan *makhluq* dan Zatnya berada di luar alam nyata. (Shiha:b al-Di:n al-Qastala:niyy, 1972: 16 – 17). Majoriti ulama berpendapat bahawa hakikat sebenar al-Qur'an adalah *qadi:m*, sebagaimana sifat-sifat Allah yang *qadi:m* lagi *azaliyy*. Manakala lafaz-lafaz yang ditulis dalam *Mushaf* adalah merupakan simbol yang menunjukkan adanya *kala:m* (percakapan) Allah. Dalam hal ini al-Qur'an yang ditulis dalam *Mushaf* dengan lafaz-lafaz dicetak, boleh dibaca dan didengar dikatakan sebagai baharu "*Hadi:th*".

Mushaf al-Qur'an yang sedia ada hingga sekarang ini telah melalui proses pengumpulan dan penulisan yang lama. Dan yang dimaksudkan dengan *Mushaf* al-Qur'an di sini ialah sebuah kitab yang dihasilkan oleh beberapa orang panitia yang dilantik oleh Khalifah 'Uthman ibn 'Affan seperti Zayyd ibn Tha:bit, 'Abdullah ibn Zubaiyr dan 'Abd al-Rahma:n ibn Ha:rith, dan lazimnya ia disebut sebagai *Mushaf 'Uthmaniyy* atau *Mushaf al-Ima:m*. Proses pengumpulan ini meliputi penyampaian (riwayat), penulisan dan penyalinan catatan hinggalah menjadi sebuah *Mushaf*. Proses ini juga disebut sebagai *Jam' al-Qur'a:n* جَمْعُ الْقُرْآن (Pengumpulan al-Qur'an). (Muhammad 'Aliyy al-Sa:bu:niyy, 2002, 87).

Dalam menganalisis wacana cerita dalam surah al-Kahf, perlu dinyatakan beberapa elemen penting, tanpanya wacana tidak dapat disampaikan. Elemen tersebut ialah dialog yang mengandung kisah, isi, gaya penyampaian dan beberapa elemen lain yang berkaitan dengan wacana cerita seperti watak-watak cerita, tempat dan masa peristiwa berlaku dan sebagainya.

Dialog-dialog wacana yang digunakan di dalam al-Qur'an biasanya tidak dicantumkan dalam setiap kisah. Ia diselangsungkan dengan bentuk dan gaya bahasa yang berlainan seperti penggunaan gaya bahasa khabariyy dan insha'iyy. Untuk menceritakan sesuatu kisah, al-Qur'an lebih menjuruskan kepada unsur dialog kritis di mana unsur ini dijadikan tempat untuk melakarkan kisah tokoh-tokoh ertinya dengan memindahkan dari satu adegan kepada satu peristiwa yang berikutnya dengan rapid yang berkesan. Namun begitu terdapat juga unsur-unsur lain yang dilakarkan oleh al-Qur'an menerusi dialog ceritanya supaya dapat didominasi ruangan kisah yang dipaparkan. Ini dapat dilihat dalam kisah Nabi Yu:suf (a.s) dalam surah Yusuf, kisah Nabi Musa (a.s) dalam surah Ta:ha dan beberapa kisah lain.(Muhammad A. Khalafullah, 2002,237).

Al-Qur'an juga mendeskripsi unsur-unsur dialog dengan menggunakan metode pengisahan, atau dengan kata lain, al-Qur'an menceritakan berbagai tokoh-tokoh kisahnya dengan menggunakan kata pendahuluan seperti “ قال ” (Ia berkata) “ قالوا ” (Mereka berkata) “ قلنا ” (Kami berkata) dan “ قال نوح ” (Nuh berkata) dan sebagainya. Metode sebegini menunjukkan bahawa dialog yang digunakan tidak hanya berlaku dengan dua arah sahaja, malah kadang-kadang berlaku dari berbagai arah. Contoh dua arah adalah seperti dialog antara Iblis dengan nabi Adam (a.s), Nabi Ibrahim (a.s) dengan bapanya dan Nabi Musa (a.s) dengan Fir'aun.

Sebagai kesimpulannya, dapat diperhatikan bahawa gaya bahasa dialog wacana kisah-kisah-kisah al-Qur'an tidak jauh bezanya dengan gaya bahasa al-Qur'an secara keseluruhannya. Di bawah dirumuskan beberapa kriteria khusus gaya bahasa al-Qur'an tersebut: (Muhammad 'Aliy al-Sa:buniyy, 2002, 158)

Pertama: Gaya bahasa al-Qur'an sangat sesuai dengan tema dan situasi pada waktu ayat-ayat tentang kisah tersebut diwahyukan. Ini bererti, gaya bahasa wacana yang diguna pakai dalam al-Qur'an dengan pelbagai bentuk penerapannya.

Kedua: Kisah-kisah daripada al-Qur'an pada awal turunnya selalunya menggunakan kalimat-kalimat yang pendek lagi bersajak. Sehingga bila diperhatikan, perpindahan dari satu peristiwa yang berikutnya atau dari satu peristiwa ke peristiwa selanjutnya yang diceritakan dalam satu kisah sangat cepat dan dinamis.

Ketiga. Dalam ayat-ayat al-Qur'an yang menjuruskan kepada kepercayaan atau yang diarahkan untuk menerangkan akidah keagamaan baru dan merobohkan doktrin dan kepercayaan syirik, dapat dilihat al-Qur'an menggunakan kritikan dengan menggunakan gaya bahasa yang kemas lagi berkesan. Kritikan tersebut adakalanya pedas dan menusuk kalbu. Ini dapat dilihat dalam kisah Nabi Ibrahim ketika hendak merobohkan berhala yang dijadikan sembahkan kaumnya. Ini diceritakan dalam surah Maryam dan al-Syu'ara:'. .

6.1. Analisis Wacana Cerita Asha:b al-Kahf

Sesungguhnya kisah Asha:b al-Kahf, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam ayat 9 bukanlah merupakan suatu perkara yang mengkagumkan ataupun suatu perkara yang ajaib jika hendak dibandingkan dengan kekuasaan Allah dalam

menciptakan langit dan bumi, dan dihiasi langit dunia dengan bintang-bintang sebagaimana firmanNya ;

﴿٩﴾ أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا

Maksudnya; “ Adakah kamu mengira (wahai Muhammad) bahawa kisah penghuni gua dan al-Raqi:m itu , termasuk dalam tanda-tanda kekuasaan kami yang mengagumkan kamu!.” (Surah al-Kahf, ayat 9).

Sebaliknya pada penciptaan langit dan bumi lebih daripada segalanya, sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, (Sila rujuk bab kelima tesis ini).

Dalam membuat analisis cerita Asha:b al-Kahf, penulis menggunakan beberapa metode analisis wacana seperti menerangkan watak-watak cerita, tempat dan masa peristiwa berlaku, motif cerita dan sebagainya.

6.1.1. Watak-watak Dalam Kisah Asha:b al-Kahf

Terdapat beberapa watak utama dalam slot cerita atau kisah Asha:b al-Kahf, Mereka terdiri daripada pemuda-pemuda yang beriman yang lari bersembunyi di dalam gua, jauh di dalam hutan. Bilangan mereka tidak dinyatakan dengan tepat dalam al-Qur'an. Pendapat yang paling dominan menyatakan bilangan mereka adalah tujuh orang dan yang kelapannya adalah anjing yang menemani mereka. Ketujuh-tujuh pemuda yang beriman itu ialah *Miksalami:na:*, *Tamli:kha:*, *Martu:nus*, *Nainu:nus*, *Sa:rabunus*. *Zu Nuwa:nus* dan *Falyastatyu:nus*. Manakala anjing yang menemani mereka disebut sebagai *al-Raqi:m*. (<http://www.kgdeltamosque.org/sejarah/surah-alkahfi.html>)

Watak pemerintah yang zalim ialah raja yang memerintah negeri Apsu:s di masa itu bernama *Diqyunus*. Raja Diqyunus merupakan seorang raja yang menyembah berhala dan memaksa setiap hamba rakyatnya menyembah apa yang disembahnya. Manakala raja yang beriman setelah pemuda-pemuda tersebut terjaga dari tidur ialah Raja *Bidrus*, iaitu cicit kepada Raja Diqyunus. Selain itu terdapat dua kelompok watak dari kalangan penduduk negeri *Apsu:s*. Kelompok pertama terdiri daripada kalangan penduduk yang beriman dan kelompok kedua ialah dari kalangan penguasa yang memerintah negeri *Apsu:s*. Begitu juga dengan seorang peniaga makanan yang tidak dinyatakan namanya di dalam buku-buku sejarah. Manakala watak binatang yang dinyatakan dalam kisah ini ialah seekor anjing yang turut serta menemani pemuda-pemuda tersebut lari bersembunyi di dalam gua. Mengikut setengah pendapat nama anjing tersebut ialah Qitmi:r. Peranan yang dimainkan oleh anjing ini ialah sebagai pengawal di pintu gua. (Ibn Kathi:r, 1399 H, 409).

Firman Allah s.w.t ;

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾

Maksudnya: “Apakah engkau mengira bahawa orang-orang yang menghuni gua dan yang memiliki *al-raqi:m* itu termasuk dalam tanda2 kebesaran Kami yang menakjubkan ?.” (Surah al- Kahf, ayat 9).

Sesetengah mufassirin berpendapat bahawa perkataan *al-Raqi:m* itu ialah nama anjing yang dimaksudkan. Ke semua watak-watak yang dinyatakan di atas mempunyai peranan masing-masing dalam menyusuri slot kisah atau cerita Asha:b al-Kahf.

6.1.2. Tempat Dan Masa Peristiwa Berlaku Kisah Asha:b al-Kahf

Terdapat beberapa pendapat mengenai tempat atau negeri yang menyaksikan peristiwa atau kisah Asha:b al-Kahf. Ada pendapat yang mengatakan peristiwa ini terjadi pada zaman sebelum kedatangan Islam di sebuah negeri yang bernama Apsu:s yang terletak di Turki. Ada pendapat lain menyatakan di Jordan dan ada yang mengatakan di Jabal Qassiyun di Syria. Di Turki sahaja ahli sejarah memberikan pandangan berbeza mengenai tempat berlakunya peristiwa ajaib tersebut, di mana terdapat empat tempat yang berlainan iaitu di Ephesus, Tarsus, Kahramanmaras dan Mardos. .Ada pendapat mengatakan ianya berlaku di Abu Alanda di Negeri Jordan. Ini adalah kerana terdapat beberapa bukti yang terdapat di situ, seperti rumah ibadat yang dibina oleh penganut Nasrani.

(<http://nasihah-addin.blogspot.com/2008/07/renungan-kisah-ashabul-kahf.html>).

Pada zaman pemerintahan Kerajaan Islam Umawiyah rumah ibadat tersebut dijadikan masjid. Ia dibaiki dan dinaik taraf pada tahun 117 Hijrah iaitu pada zaman khalifah Hisham Bin Abdul Malik Bin Marwan. Terdapat beberapa kesan peninggalan silam yang terdapat di situ, antaranya barangan tembikar, duit tembaga dan perak dari pelbagai zaman. Ini menunjukkan bahawa tempat itu dijaga dan dipelihara oleh pemerintahan Umaiyah, Abasiyah, dan Uthmaniyyah Turki (<http://nasihah-addin.blogspot.com/2008/07/renungan-kisah-ashabul-kahf.html>). Terdapat beberapa bukti lain yang menguatkan pendapat yang mengatakan tempat berlaku peristiwa tersebut di Abu Alanda, Jordan, (<http://kitalah.forumotion.com/islam-fb/kisah-ashabul-kahfi-dan-beberapa-bukti-peristiwa-berlaku-di-t338.htm>).

Antaranya:

1. Tulisan pada lengkungan pintu di dinding gua sebelah timur yang tertera tulisan “Masjid diperbaharui binaannya pada tahun 117 Hijrah yang merujuk kepada zaman pemerintahan Abdul Malek Bin Marwan. Ini membuktikan bahawa ketika era kerajaan Bani Umaiyyah, mereka sudah memperbaharui masjid yang sebelum itu menjadi rumah ibadat penganut agama Nasrani. Kesan yang boleh dilihat ialah binaan mihrab dan pertunjuk arah qiblat yang terdapat di atas gua tersebut.
2. Tulisan khat kufi turut ditemui yang menunjukkan bahawa masjid kedua di Gua berkenaan diperbaharui pada zaman Khomarumiyah Bin Ahmad Tolu:n dari kerajaan Abasiyyah.. Masjid kedua yang dimaksudkan ialah masjid yang dibina di hadapan gua Asha:b al-Kahf setelah masjid pertama yang wujud pada zaman Umawiyah.
3. Kesan kubur orang Nasrani “*Nuwanis*” di dalam gua. Pada *Nuwanis* tersebut terdapat bintang segi lapan yang membuktikan tanda zaman kerajaan Rum pada kurun ke tiga Masihi. Menjadi adat pada masa itu, mayat-mayat penganut agama Nasrani dikuburkan di dalam bekas batu. Ini tidak mustahil bahawa merekalah yang telah menguruskan mayat pemuda-pemuda tersebut dan mengkebumikan mereka dengan cara dan adat mereka ketika itu.
4. Pohon zaitun yang berusia ratusan tahun berhadapan dengan gua, dan kesan batang pohon zaitun yang berusia ratusan tahun kini ditempatkan di muzium mini yang terdapat di dalam gua.
5. Penemuan tulang di dalam *Nuwanis*. Dinyatakan bahawa tulang-tulang tersebut adalah kepunyaan Asha:b al-Kahf..

Ada pendapat lain mengatakan bahawa gua tempat persembunyian ketujuh-tujuh pemuda tersebut terletak berdekatan dengan perlembahan Ailah, iaitu sebuah pekan kecil

di persisiran laut Qulzum atau lebih dikenali dengan Laut Merah. Manakala satu pendapat lagi mengatakan ianya terletak di sempadan Negeri Hijaz dan Syam iatu sebuah negeri yang didiami oleh penduduk Yahudi di mana di situlah juga berlaku peristiwa Asha:b al-sabt. (Peristiwa di mana segolongan penduduk Yahudi yang disumpah oleh Allah menjadi kera disebabkan mereka melanggar perintah Allah daripada menangkap ikan pada hari sabtu). Ini dinyatakan oleh Allah menerusi FirmanNya :

وَسَأَلَهُمْ عَنِ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ حَاضِرَةَ الْبَحْرِ إِذْ يَعْتَدُونَ فِي السَّبْتِ إِذْ
تَأْتِيهِمْ حِيتَانُهُمْ يَوْمَ سَبْتِهِمْ شُرَّعًا وَيَوْمَ لَا يَسْبِتُونَ لَا تَأْتِيهِمْ كَذَلِكَ
نَبَلُوهُمْ بِمَا كَانُوا يَفْسُقُونَ ﴿١٦٣﴾

Maksudnya: “Dan tanyakanlah kepada bani Israil tentang negeri yang terletak berdekatan laut ketika mereka melanggar perintah pada hari sabtu iaitu ketika datang kepada mereka ikan-ikan yang terapung-apung di permukaan air, padahal pada hari-hari lain ikan-ikan itu tidak kelihatan di situ. Demikianlah Kami menguji mereka disebabkan mereka melakukan kefasikan.” (Surah al-A'ra:f , ayat 163)

Kota yang dikatakan sebagai Eilah terletak di persisiran pantai Laut Merah di antara Kota Madyan dan Gunung Sinai. Mengikut setengah pendapat masa berlaku peristiwa tersebut ialah sekitar 249 Masihi hingga 251 Masihi. Dan ketujuh pemuda tersebut dibangunkan daripada tidur pada zaman Theodicius (408 – 450 Masihi).

Manakala masa peristiwa Asha:b al-Kahf ini berlaku menjadi satu kesamaran kerana ianya tidak dinyatakan dalam al-Qur'an ataupun melalui hadis Rasulullah s.a.w. Mengikut beberapa pendapat, ianya terjadi sebelum kerasulan Nabi Isa (a.s) dan ada pendapat yang lain mengatakan ianya berlaku sebelum agama Yahudi. (Sala:h ‘Abd al-

Fattah al-Kha:lidiy1996: 38). Namun begitu ianya menjadi satu kesamaran dan tidak dapat dipastikan bilakah peristiwa ini berlaku.

6.1.3. Motif Cerita

Antara motif utama di sebalik penceritaan Asha:b al-Kahf dapat disimpulkan seperti di bawah: (Sala:h 'Abd al-Fatta:h al-Kha:lidiyy, 1996, 117 -122)

- (I) Menguatkan keyakinan terhadap adanya Hari Kebangkitan. Di sebalik penceritaan dalam kisah asha:b al-Kahf, terdapat hikmat yang tersembunyi iaitu, ketetapan Allah tentang Hari Kiamat dan kebangkitan semula seluruh umat manusia dan jin untuk dihadapkan di Mahkamah Allah dan diperhitungkan segala amal baik dan buruk. Allah berkuasa menghidupkan kembali semua manusia yang telah mati di Hari Akhirat kelak.
- (ii) Sebagai jawapan kepada pertanyaan kaum mushrikin Mekah mengenai tiga persoalan yang diilhamkan oleh pendita Yahudi Madinah. Iaitu tentang Asha:b al-Kahf, Zulqarnain dan persoalan ruh. Semuanya dijawab melalui wahyu Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. , di mana kisah Asha:b al-Kahf dan kisah Zulqarnain dinyatakan melalui surah al-Kahf dan persoalan mengenai ruh dinyatakan menerusi surah al-Isra:'.⁷
- (iii) Sebagai pengajaran dan iktibar kepada seluruh manusia tentang kekuasaan Allah yang mengatasi kemampuan akal manusia, di mana peristiwa yang berlaku merupakan satu *karamat* (kemuliaan) yang dianugerahkan kepada ketujuh pemuda yang beriman.

(iv) Persembunyian pemuda-pemuda tersebut adalah untuk mempertahankan akidah terhadap Allah. Timbul persoalan **إِعْتَزَالٌ** (pengasingan diri) dalam kisah ini, di mana ianya diharuskan oleh syarak atas alasan bahawa tidak ada jalan lain bagi mereka untuk menyelamatkan dan memartabatkan akidah keimanan terhadap Allah (s.w.t) kecuali dengan bersembunyi di dalam gua. Ini dinyatakan menerusi firman Allah (s.w.t):

وَإِذِ اعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يُعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ فَأَوْتَيْنَا إِلَى
 الْكَهْفِ يَنْشُرْ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ وَيَهَيِّئْ لَكُمْ مِنْ أَمْرِكُمْ
 مِرْفَقًا ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Dan apabila kamu menyisihkan diri daripada mereka dan apa yang mereka sembah selain Allah, maka carilah berlindung di dalam gua, nescaya Allah akan melimpahkan sebahagian daripada rahmatNya kepada kamu dan menyediakan sesuatu yang berguna dalam urusan kamu” (Surah al-Kahf, ayat 16)

- (v) Penghuni-penghuni gua tersebut terdiri di kalangan pemuda-pemuda **فَتِيَّةٌ** yang menggambarkan betapa pentingnya zaman remaja dalam memainkan peranan berdakwah, beriman dan beramal kerana Allah (s.w.t).
- (vi) Kisah Asha:b al-Kahf ini merupakan satu kemuliaan dan rahmat Allah yang dianugerahkan kepada hamba-hambaNya yang terpilih.

6.1.4. Penggunaan Perkataan Dalam Kisah Asha:b al-Kahf

Terdapat beberapa perkataan yang terdapat dalam kisah Asha:b al-kahf yang perlu

dihuraikan bagi menjelaskan kesamaran yang mungkin timbul akibat ketidakfahaman yang mendalam daripada perkataan tersebut. Ini dapat dinyatakan seperti di bawah:

1. Perkataan الْكَهْفُ “*al-Kahf*” membawa maksud sebuah gua yang luas terdapat di sebuah bukit atau gunung (al-Zamakhshariyy, 1966, 473). Ada pendapat mengatakan ia adalah ruang luas yang terdapat di bukit. Perkataan “*al-Kahf*” jamaknya “*Kuhu:f*”. Ini pendapat yang diutarakan oleh Qata:daṭ . Ibn Jari:h menyatakan nama bukit tersebut ialah *Banjalu:s* dan nama gua ialah *haiyzam* . (Ibn Kathi:r. t.t. :135).

Perkataan الْكَهْفُ ini dinyatakan dalam ayat:

إِذْ أَوْىءَ الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا
مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

Maksudnya: “ *Ingatlah, ketika pemuda-pemuda itu berlindung ke dalam sebuah gua lalu mereka berdoa, “Ya Tuhan kami, berikan rahmat kepada kami dari sisiMu dan sempurnakanlah petunjuk yang lurus bagi kami dalam urusan kami”.* (Surah al-Kahf, ayat 10)

2. Perkataan الرَّقِيمُ “*al-Raqi:m*” Perkataan al-Raqi:m ini dinyatakan dalam ayat:

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِن آيَاتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾

Maksudnya: “ Adakah kamu mengira wahai Muhammad bahawa orang-orang yang mendiami gua *al-Raqi:m* itu termasuk dalam tanda-tanda kebesaran Kami yang mengagumkan? “ (Surah *al-Kahf*, ayat 9)

Ia membawa pelbagai maksud, menurut pendapat para mufassiri:n. Ibn ‘Abba:s berpendapat ia adalah nama bukit yang terdapat padanya gua tersebut, dan dikenali dengan nama *Banjalu:s*, atau sebuah kitab. Mengikut kamus, perkataan *al-Raqi:m* membawa maksud buku, atau yang tertulis. Ada pendapat yang mengatakan *al-Raqi:m* ialah papan yang ditulis padanya nama-nama penghuni gua dan kisah-kisah mereka. Ia diletakkan di pintu masuk gua. Papan tulis ini diperbuat daripada batu. Mengikut pendapat Ibnu ‘Abbas, *al-Raqi:m* bermaksud nama sebuah perlembahan (wadi), Pendapat yang lain, nama bukit yang terdapat padanya gua tersebut. (al-Zamakhshariyy, 1966, 473).

Manakala Sa‘id Ibn Jabi:r berpendapat *al-Raqi:m* adalah papan tulis yang diperbuat daripada batu yang ditulis padanya nama-nama tujuh pemuda yang beriman dan diletakkan di pintu gua tersebut. (Ibn Kathi:r. t.t.: 135). Ada pendapat yang mengatakan perkataan *al-Raqi:m* ialah anjing yang turut sama menemani mereka lari bersembunyi di dalam gua tersebut. (Muhyuddin al-Darwi:sh, 1999: 444). Nama anjing tersebut ialah *Hamran* atau *Qitmi:r*. (Ibn Kath:ir. t.t.:135).

3. Perkataan **الْفِتْيَةُ** "al-Fityat" (pemuda-pemuda). Allah menyatakan penghuni gua tersebut adalah terdiri daripada sekumpulan pemuda yang lebih tua umurnya daripada kanak-kanak dan lebih muda daripada lelaki dewasa. Ia boleh dikatakan

sebagai remaja yang baru meningkat umur.(Muhyuddin al-Darwish, 1999: 449) .
Pemuda-pemuda yang berusia remaja sebegini disifatkan oleh Allah dalam al-
Qur'an melalui firmanNya:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَا لَهُم
هُدًى ﴿١٣﴾

Maksudnya: “ Kami ceritakan kepada Kamu wahai Muhammad kisah mereka dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami tambahkan lagi jalan pertunjuk kepada mereka”. (Al-kahf: ayat 13).

4. Perkataan مِرْفَقًا 'Mirfaqa:’ : Dibaca dengan mengkasrahkan mim dan memfathahkan fa:’(Muhyuddin al-Darwish, 1999: 451). Ia membawa maksud sesuatu yang berguna dalam urusan kehidupan. Perkataan ini terdapat dalam ayat berikut:

وَإِذْ أَعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ فَأَوْتُوا إِلَيَّ
الْكَهْفِ يَنْشُرْ لَكُمْ رَبُّكُمْ مِنْ رَحْمَتِهِ وَيَهَيِّئْ لَكُمْ مِنْ أَمْرِكُمْ
مِرْفَقًا ﴿١٦﴾

Maksudnya: “Dan apabila kamu menyisihkan diri daripada mereka dan apa yang mereka sembah selain Allah, maka carilah berlindung di dalam gua, nescaya Allah akan melimpahkan sebahagian daripada rahmatNya kepada kamudian menyediakan sesuatu yang berguna dalam urusan kamu” (Surah al-Kahf, ayat 16):

5. Perkataan الْكَلْبُ "al-Kalb" yang tersebut dalam ayat:

وَكَلْبُهُمْ بَنَسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِالْوَصِيدِ

Maksudnya: “Dan anjing mereka membentangkan kedua-dua tangannya di halaman gua tersebut” (Surah al-Kahf, ayat 18).”

Sesetengah mufassiri:n mengatakan nama anjing yang menemani mereka di dalam gua persembunyian itu ialah *Qitmi:r*, dan pendapat lain nama anjing tersebut ialah *Hamra:n*. (Ibn Kathi:r. t.t. : 135).

6. Perkataan فَجْوَةٌ “Fajwat” iaitu jauh diantara dua paha. Perkataan *fajwat* bererti ruang di antara dua benda. (Abu: Muhammad al-Husaiyn. 1993 : 452). Ini dinyatakan dalam potongan ayat:

وَهُمْ فِي فَجْوَةٍ مِنْهُ

Maksudnya: “ Dan mereka (penghuni-penghuni gua) berada dalam kawasan lapang dalam gua tersebut” (Surah al-Kahf, ayat 17).

7. Perkataan بَوْرَقِكُمْ " *Biwaraqikum*” yang disebut dalam potongan ayat:

(فَابْعَثُوا بَوْرَقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ)

Maksudnya : “ Suruhlah salah seorang daripada kamu keluar ke kota dengan membawa wang perak ini!” (Surah al-Kahf,ayat 19).

Ia membawa maksud wang perak yang ditempa menjadi syiling ataupun sebaliknya.(al-Zamakhshariyy, 1066, 476).

8. Perkataan الْمَدِينَةُ *"al-Madi:naṭ"* membawa erti pekan atau bandar. Pekan yang dimaksudkan di sini ialah terletak di negeri *Apsus* iaitu negeri di mana mereka tinggal sebelum lari bersembunyi di gua. Negeri tersebut ialah Tartu:s. (al-Zamakhshariyy, 1066, 476). Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ

Maksudnya: “*Suruhlah salah seorang daripada kamu ke kota dengan membawa wang perak ini*”

9. Perkataan مَسْجِدًا *"Masjida:"* membawa erti tempat sujud, atau tempat solat dilakukan. Ini dinyatakan dalam potongan ayat:

قَالَ الَّذِينَ غَلَبُوا عَلَىٰ

أَمْرِهِمْ لَنَتَّخِذَنَّ عَلَيْهِم مَّسْجِدًا

Maksudnya: “*Berkatalah mereka yang menguasai di antara mereka sudah tentu kita dapat membina rumah ibadat di atasnya*” (Surah al-Kahf, ayat 21)

Menjadi kebiasaan penganut agama samawiyy, membina binaan tempat beribadah di atas kubur-kubur para Nabi-nabi terdahulu serta para solihin. Binaan tempat ibadat di atas kubur amat dilarang oleh Rasulullah dengan sabdanya:

لَعَنَ اللَّهُ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ ؛ اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ وَصَالِحِيهِمْ مَسَاجِدَ

Maksudnya: “Allah melaknat orang-orang Yahudi dan Nasrani, kerana mereka membina tempat ibadat di atas perkuburan Nabi-nabi dan kalangan para Solehin” (Soheh Bukha:riyy).

10. Perkataaan “ الْوَصِيدُ ” membawa erti kawasan lapang di hadapan pintu gua. Dalam ayat 18 surah al-Kahf Allah (s.w.t) menyebutkan keadaan anjing penghuni gua yang melunjurkan (menbentangkan) kedua lengannya di hadapan pintu gua. (Ibn Kathi:r, t.t., 140)

“ وَكَلْبُهُمْ بَاسِطٌ ذِرَاعَيْهِ بِالْوَصِيدِ ”

Maksudnya: “ Dan anjing milik mereka membentangkan kedua tangannya (lengannya) di hadapan pintu gua tersebut”. (surah al-Kahf, ayat 18)

6.1.5 Ciri-ciri Dialog Lisan

Dialog-dialog wacana yang digunakan di dalam al-Qur’an biasanya tidak dicantumkan dalam setiap kisah. Ia diselangsadikan dengan bentuk dan gaya bahasa yang berlainan seperti penggunaan gaya bahasa *khabariy* dan *insha’iyy*. Untuk menceritakan sesuatu kisah, al-Qur’an lebih menjuruskan kepada unsur dialog kritis di mana unsur ini dijadikan tempat untuk melakarkan kisah. Lantaran itu, dengan memindahkan dari satu slot kepada satu slot yang berikutnya dengan berkesan. Namun begitu terdapat juga unsur-unsur lain yang dilakarkan oleh al-Qur’an menerusi dialog ceritanya supaya dapat didominasi ruangan kisah yang dipaparkan. Ini dapat dilihat dalam kisah Nabi Yusuf a.s dalam surah Yusuf, kisah Nabi Musa dalam surah Ta:ha dan beberapa kisah lain.(Muhammad A. Khalafullah, 2002,237).

Al-Qur'an juga mendeskripsikan unsur-unsur dialog dengan menggunakan metode pengisahan, atau dengan kata lain, al-Qur'an menceritakan berbagai tokoh-tokoh kisahnya dengan menggunakan kata pendahuluan seperti “ قال ” (Ia berkata) “ قالوا ” (Mereka berkata) “ قلنا ” (Kami berkata) dan “ قال نوح ” (Nuh berkata) dan sebagainya.

Wacana lisan yang terdapat dalam dalam kisah Asha:b al-Kahf bermula ayat 9 hingga ayat 27 mengandung kesinambungan atau untaian wacana. Terdapat ikatan dan kesinambungan yang tepat antara satu ayat dengan ayat yang lain. Melalui ayat-ayat tersebut, kisah atau penceritaan dapat disampaikan dengan sempurna. Melalui wacana cerita ini, beberapa elemen wacana seperti *menyapa, menegur, bertanya, meyakinkan, memberi komen* dan sebagainya dapat dijumpai secara berpadu. (Brown, 1983, 189 – 190)

Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat struktur wacana cerita yang ideal seperti awalan cerita, pertengahan cerita dan akhiran. di mana peristiwa atau kisah dimulakan dengan awalan cerita seperti dinyatakan pada ayat 9 surah al-kahf. Awalan cerita ini dipaparkan dengan berkesan bagi menerangkan bahawa cerita dapat disampaikan dengan ideal .

Begitu juga dengan bentuk dan elemen wacana cerita yang digunakan. Bentuk yang dipaparkan dalam kisah Asha:b al-Kahf dapat dilihat pada *cara, gaya, susunan, narasi dan slot penceritaan* yang menarik, di samping mempunyai *ciri penceritaan, jalan cerita* serta beberapa ciri lain. Elemen-elemen wacana cerita seperti di atas terdapat pada setiap ayat-ayatnya. Di bawah ini dinyatakan beberapa contoh elemen-elemen tersebut:

(1) Menyapa dan bertanya

Sebagai memulakan jalan cerita Allah berfirman :

أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا ﴿٩﴾

Maksudnya: “ **Apakah** engkau (Muhammad) mengira bahawa orang yang mendiami gua, dan memiliki al-Raqi:m itu termasuk di antara kebesaran Kami yang menakjubkan?

Dalam ayat di atas, terdapat gaya bahasa pertanyaan atau uslub istifha:m. Ini dapat diperhatikan pada penggunaan lafaz أَمْ . Pertanyaan ini sebagai menandakan bukti kekuasaan Allah pada penciptaan langit dan bumi serta isinya adalah lebih hebat dan besar daripada berkuasa menidurkan penghuni-penghuni gua dalam tempuh yang panjang. (Ibnu Kathi:r, t.t., 134) Penggunaan uslub istifham pada permulaan atau awalan cerita ini sebagai menarik perhatian bahawa apa yang hendak disampaikan pada ayat-ayat penceritaan berikutnya mempunyai pengajaran yang amat berguna. Seterusnya dalam pertengahan kisah, dinyatakan ayat yang digunakan dengan uslu:b istifha:m seperti firman Allah:

وَكَذَلِكَ بَعَثْنَاهُمْ لِيَتَسَاءَلُوا بَيْنَهُمْ قَالَ قَائِلٌ مِّنْهُمْ كَمْ لَبِثْتُمْ قَالُوا لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالُوا رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثْتُمْ فَابْعَثُوا أَحَدَكُمْ بِوَرِقِكُمْ هَذِهِ إِلَى الْمَدِينَةِ فَلْيَنْظُرْ أَيُّهَا أَزْكَى طَعَامًا فَلْيَأْتِكُمْ بِرِزْقٍ مِّنْهُ وَلْيَتَلَطَّفْ وَلَا يُشْعِرَنَّ بِكُمْ أَحَدًا ﴿١٩﴾

Maksudnya: “ Dan demikianlah Kami membangunkan mereka agar mereka saling bertanya: salah seorang daripada mereka bertanya: “ **Sudah berapa lama kamu berada**

***di sini** (di dalam gua)?” Mereka menjawab, “Kita berada di sini sehari atau setengah hari” Berkata yang lain lagi, “ Tuhan kamu lebih mengetahui berapa lama kamu berada di sini.” Maka suruhlah salah seorang dari kamu keluar ke kota dengan membawa wang perak, dan hendaklah dia melihat manakah makanan yang lebih baik (enak) dan bawalah balik sebahagian makanan itu untuk kamu dan hendaklah dia bersifat lembut dan jangan sekali-kali menceritakan hal kamu kepada sesiapa pun.” (Surah al-Kahf, ayat 19).*

Dalam ayat di atas, penggunaan uslub istifha:m jelas dilihat pada perkataan كَمْ (Berapakah) . Pertanyaan ini diajukan oleh salah seorang daripada mereka setelah mereka dibangunkan daripada tidur selama tiga ratus sembilan tahun. Sebagai jawapan, salah seorang mengatakan bahawa mereka hanya tidur selama sehari atau setengah hari. Sebenarnya Allah sahaja yang mengetahui hakikat sebenar mereka ditidurkan di dalam gua tersebut. Inilah kuasa Allah dalam membangunkan mereka ratusan tahun tidur tanpa disedari oleh mereka. Ini membuktikan bahawa Allah berkuasa menghidupkan manusia yang dimatikan untuk dibangkitkan di Hari Pembalasan kelak.

Dalam ayat yang sama, digunakan elemen pertanyaan atau uslub al-istifha:m **أَسْئَلُكَ** . Gaya bahasa ini dibahas dalam ilmu balaghah Arab. Di bawah cabang **الإِشْتِئَاءُ الطَّلْبِيُّ** “ iaitu **الِاسْتِفْهَامِ** (pertanyaan). (Ha:shim al-Ri:b, 1986, 166).

Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat struktur wacana cerita yang ideal di mana peristiwa atau kisah dimulakan dengan awalan cerita seperti dinyatakan pada ayat 9 surah al-kahf. Awalan cerita ini dipaparkan dengan berkesan.

(2) Menjawab pertanyaan

Pada kebiasaannya setiap pertanyaan disusuli dengan jawapan. Begitu juga dengan jalinan wacana cerita dalam kisah Asha:b al-Kahf. Firman Allah:

إِذْ أَوْى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا آتِنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا
مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Ingatlah! Ketika pemuda-pemuda itu bersembunyi di dalam gua, lalu mereka berdoa, :Ya Tuhan kani, berikanlah rahmat kepada kami dari sisimu dan sempurnakanlah pertunjuk yang lurus bagi kami dalam urusan kami”.(Surah al-Kahf ayat 10)

(3) Meyakinkan

Dalam meyakinkan atau menguatkan hujah atau isi yang disampaikan, kebiasaannya Allah (s.w.t) menggunakan gaya bahasa penegasan atau uslub yang dikenali dengan (*Tawki:d.*). Dalam pembahasan ilmu balaghah untuk menguatkan sesuatu kata atau hujah terutamanya bila sesuatu perkhabaran itu disampaikan dalam situasi di mana pendengar atau kumpulan sasar merasakan ragu (أَنْ يَكُونَ الْمُخَاطَبُ مُتَرَدِّدًا) maka teknik gaya bahasa ini digunakan. (‘Abd ‘Aziz ‘Ati:q, 1985, 55 – 56). Penggunaan satu kata tugas tawki:d iaitu (إِنَّ) dikategorikan dalam tujuan permintaan.

Penggunaan (إِنَّ) “sesungguhnya”, digunakan untuk menguatkan berita atau perkhabaran yang hendak disampaikan. Ini dapat dilihat melalui firman Allah:

إِنَّهُمْ إِنْ يَظْهَرُوا عَلَيْكُمْ يَرْجُمُوكُمْ أَوْ يُعِيدُوكُمْ فِي مِلَّتِهِمْ وَلَنْ تُفْلِحُوا إِذًا أَبَدًا ﴿٢٠﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya jika mereka dapat mengetahui tempat kamu, mescaya mereka akan melemparkan batu ke arah kamu, atau memaksakan kamu kembali kepada agama mereka (menyembah berhala), dan dengan demikian kamu tidak akan beruntung buat selama-lamanya.*”. (Surah al-Kahf, ayat 20)

Ungkapan (إِنَّهُمْ) terdiri dari dua perkataan iaitu إِنَّ “sesungguhnya” dan هُمْ “mereka” membuktikan bahawa pernyataan seperti di atas memang bertepatan dengan cara meyakinkan dan menguatkan wacana cerita yang hendak disampaikan. Dialog ini diungkapkan oleh salah seorang daripada penghuni gua tersebut sebagai meyakinkan teman-temannya bahawa sekiranya rahsia persembunyian mereka diketahui oleh tentera-tentera raja atau masyarakat sekeliling, nescaya mereka akan dihukum bunuh oleh raja Diqyunus.

(4) Menegur atau melarang.

Dalam wacana cerita Asha:b al-Kahf, Allah telah menegur pesuruhnya Nabi Muhammad S.A.W. supaya tidak lupa menyebut ungkapan إِنْ شَاءَ اللَّهُ apabila berjanji atau hendak melakukan sesuatu. Allah berfirman:

وَلَا تَقُولَنَّ لِشَيْءٍ إِنِّي فَاعِلٌ ذَٰلِكَ غَدًا ﴿٢٣﴾

Maksudnya: “*Dan jangan sekali-kali engkau mengatakan terhadap sesuatu, : aku pasti akan melakukan sesuatu itu pada besok pagi!*” (Surah al-Kahf, ayat 23).

Apabila berjanji untuk melakukan sesuatu pekerjaan atau urusan hendaklah disertai dengan kata **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** "sekira diizinkan oleh Allah".

Penggunaan gaya bahasa atau uslub larangan ini juga dinyatakan dalam pembahasan cabang ilmu al-Ma'a:niy, iaitu **الْإِنْشَاءُ الطَّلْبِي** dengan menggunakan **أُسْلُوبُ النَّهْيِ** , Lafaz **لَا** (jangan) digunakan sebagai larangan daripada melakukan sesuatu urusan atau pekerjaan. (Ha:shim al-Ri:b, 1987, 119).

Firman Allah:

إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ وَأَذْكُرَ رَبَّكَ إِذَا نَسِيتَ وَقُلْ عَسَىٰ
أَنْ يَهْدِيَنِّي رَبِّي لِأَقْرَبَ مِنْ هَذَا رَشَدًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “ *Kecuali (dengan mengatakan) InsyaAllah. Dan ingatlah kepada Tuhanmu apabila engkau lupa dan katakanlah,*” *Mudah-mudahan Tuhanku akan memberikanku petunjuk agar aku lebih dekat dengan jalan petunjuk ini.*” (Surah al-Kahf ayat 24).

Konteks ayat di atas dengan kisah ini ialah pada janji Rasulullah (s.a.w) untuk menjawab tiga soalan yang diajukan kepada Baginda oleh beberapa orang kafir Quraish. Nabi Muhammad (s.a.w) mengatakan bahawa baginda akan memberi jawapan pada keesokan harinya. Mereka bertanya tentang roh, kisah Asha:b al-Kahf dan kisah Zulkarnain, lalu baginda menjawab, “datanglah besok pagi, agar dapat aku ceritakan kepada kamu”. Dan baginda tidak mengucapkan InsyaAllah, tapi rupanya sampai lima belas hari wahyu tidak diturunkan untuk menceritakan hal-hal tersebut, dan nabi tidak dapat menjawabnya. Setelah lima belas hari berlalu, barulah wahyu diturunkan menceritakan tentang persoalan yang diajukan kepada baginda.(Ibn Kathi:r. t.t : 145).

(5) Memperjelaskan Dan Menerangkan

Memperjelaskan atau menerangkan merupakan elemen wacana bahasa yang selalu digunakan untuk tujuan perkhabaran tentang sesuatu perkara atau berita. Elemen ini wujud hampir kesemua ayat-ayat wacana cerita. Dengan menggunakan uslub *khabariyy*, dan *Insha:’iyy*, al-Qur’an dapat menggambarkan atau menyampaikan sesuatu berita, hukum hakam dan sebagainya dengan berkesan. Sebagai contoh, dalam menyampaikan sesuatu berita Allah berfirman::

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ
عِوَجًا ۝١

Maksudnya: “ *Segala puji-pujian hanya bagi Allah yang telah menurunkan kitab al-Qur’an kepada hambanya (Muhammad) dan Dia tidak menjadikannya menyimpang dari jalan kebenaran.*) (Surah al-Kahf, ayat 1).

Dalam ayat di atas Allah (s.w.t) menjelaskan bahawa Dialah yang menurunkan kitab suci al-Qur’an sebagai pedoman dan jalan pertunjuk kepada seluruh manusia. Ini merupakan satu penjelasan dan perkhabaran yang nyata.

FirmanNya lagi:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَا لَهُمْ
هُدًى ۝١٣

Maksudnya: “ *Kami ceritakan kepadamu wahai Muhammad tentang kisah mereka (Asha:b al-Kahf) dengan sebenarnya, Sesungguhnya mereka adalah pemuda-pemuda yang beriman dengan Tuhan mereka, dan Kami tambahkan kepada mereka jalan pertunjuk.* (Surah al-Kahf, ayat 13)

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah (s.w.t) sahaja yang berhak dan berkuasa memberi perkhabaran tentang kisah sebenar mengenai Asha:b al-Kahf. Perkhabaran dan penjelasan ini bukan cerita dongeng atau digolongkan sebagai **أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ** tetapi sebagai satu realiti sejarah kemanusiaan yang berlaku. Pada awalan ayat di atas Allah (s.w.t) menggunakan lafaz **نَحْنُ** (kami) sebagai menandakan keagunganNya dalam merencana dan menguruskan setiap perlakuan makhluk ciptaanNya.

Cerita ini diakhiri dengan penutup atau akhiran wacana sebagai kesimpulan kepada cerita yang disampaikan. Ini dapat dilihat menerusi firman Allah:

**قُلِ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا لَهُ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَبْصِرَ بِهِ وَأَسْمِعُ
 مَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا يُشْرِكُ فِي حُكْمِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾**

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad) “Allah lebih mengetahui berapa lama mereka tinggal di gua, miliknya semua yang tersembunyi di langit dan di bumi. Alangkah terangnya penglihatanNya dan pendengarannya: tidak ada seorang pelindung pun bagi mereka selain Dia; dan Dia tidak mengambil seorang pun menjadi sekutunya dalam menetapkan sesuatu keputusan,” (Surah alk-Kahf. Ayat 26)

Di akhir ayat di atas Allah menegaskan bahawa Dialah Tuhan yang menguasai setiap sesuatu dan tidak ada sekutu baginya. Ini membuktikan bahawa Allah sahaja yang berhak disembah. Ayat ini menjadi kesimpulan atau akhiran kepada kisah yang dipaparkan.

6.1.6 Beberapa Aspek Balaghah

Dalam ayat-ayat wacana kisah Asha:b al-Kahf terdapat beberapa aspek ilmu balaghah seperti cabang ilmu al-Baya:n dan ilmu al-Badi:' yang digunakan. Ciri-ciri

tersebut adalah seperti berikut:

(I) Ciri **الطَّبَاقُ** (al-Tiba:q) yang terdapat pada kalimah-kalimah **يُبَشِّرُ** (memberi khabar gembira) dan **يُنذِرُ** (membawa khabar menakutkan). Ini menunjukkan terdapat dua kalimah dalam satu ayat yang berlawanan maksudnya. Begitu juga dengan perkataan **يَهْدِي** (memberi pertunjuk atau hidayat) dengan perkataan **يُضِلُّ** (menyesatkan) dan perkataan **أَيْقَظًا** (dalam keadaan terjaga) dengan perkataan **رُقُودًا** (tidur) dan perkataan **ذَاتَ الْأَيْمِينِ** (sebelah kanan) dengan perkataan **ذَاتَ الشِّمَالِ** (sebelah kiri). Ciri seperti ini diperbahaskan dalam kitab-kitab balaghah Arab dengan terperinci. Ini menandakan bahawa ayat-ayat al-Qur'an kaya dengan ciri-ciri balaghah di samping fasahatnya.

(II) Ciri **الْجِنَاسُ** pada perkataan **قَامُوا قَالُوا** (mereka berdiri dan mereka berkata-kata), Pembinaan struktur dua perkataan ini hampir sama dan yang membezakan antara keduanya ialah pada huruf (م) dan (ل) . Aspek ini dihuraikan dalam ilmu al-Badi:'. Ciri **الْجِنَاسُ** bermaksud kesamaan dua lafaz dalam pertuturan dan mempunyai perbezaan dari segi makna, dan ianya dibahagikan kepada dua jenis iaitu: **الْجِنَاسُ التَّامُ** (Jina:as yang sempurna) dan **الْجِنَاسُ غَيْرُ التَّامِ** (Jina:s yang tidak sempurna). **الْجِنَاسُ التَّامُ** adalah persamaan dua lafaz yang sama pada empat perkara iaitu, jenis huruf, bentuk, bilangan dan aturannya, Manakala **الْجِنَاسُ غَيْرُ التَّامِ** membawa maksud persamaan pada salah

satu daripada empat perkara seperti di atas. ('Aliyy al-Ja:rim Dan Mustafa: Ami:n, t.t.: 265)

(III) Ciri **التَّعَجُّب** yang digunakan dalam kisah Asha:b al-Kahf ini ialah pada potongan ayat (**أَبْصِرْ بِهِ وَأَسْمِعْ**), (Alangkah terangnyanya penglihatan dan pendengarannya!).

(IV) Sebagaimana yang dinyatakan pada keistimewaan al-Qur'an pada bab yang lepas, penulis menyebut salah satu keistimewaan pada penggunaan kalimah dalam kisah Asha:b al-Kahf khasnya dan surah al-Kahf amnya. Keistimewaan ini dapat dilihat pada perkataan di akhir setiap ayat-ayat wacana yang akhiri dengan penggunaan rima akhir yang seimbang. Penggunaan rima akhir " **الْقَافِيَةُ** " ini dibahaskan dalam cabang ilmu al-Badi:' iaitu al-Saj' " **السَّجْعُ** ". Al-Saj' merupakan kesesuaian lafaz atau perkataan pada huruf dan rima akhir.

Perkataan-perkataan tersebut ialah seperti berikut:

(**عَجَبًا , رَشَدًا , عَدَدًا , أَمَدًا , هُدًى , شَطَطًا , كَذِبًا , مَرْفَقًا , مُرْشِدًا , رُعْبًا , أَحَدًا , أَبَدًا**)
(**مَسْجِدًا , عَدَا , تِسْعًا , مُتَّحِدًا**)

Ke semua bilangan 110 ayat surah al-Kahf diakhiri dengan rima yang sama. Ini membuktikan kemukjizatan al-Qur'an dari sudut balaghahyang tidak dapat ditandingi oleh karya manusia.

6.1.7 Struktur Wacana

Wacana penceritaan dalam kisah ini juga kelihatan lebih ideal, kerana ia mempunyai daya kohesi yang amat besar dalam suatu interaksi. Sesungguhnya sesuatu proses

penceritaan itu mengandungi awalan, pertengahan dan juga akhiran. Dalam kisah ini, ia dimulakan dengan awalan dengan gaya tersendiri seperti firman Allah s.w.t :

﴿٩﴾ أَمْ حَسِبْتَ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ آيَاتِنَا عَجَبًا

Maksudnya: : “Apakah engkau mengira bahawa orang-orang yang mendiami gua dan (yang mempunyai) al-Raqi:m itu sebagai tanda-tanda kebesaran kami yang menakjubkan? “(Surah al-Kahf, ayat 9).

Dalam ayat di atas, cerita didahului dengan uslub atau gaya pertanyaan. Pertanyaan ini sebagai menyatakan bahawa kisah yang akan disampaikan mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. Seterusnya wacana cerita disusuli dengan isi penceritaan yang menjuruskan kepada peristiwa kisah. Peristiwa kisah ini diuraikan dengan lanjut dalam bab kelima kajian ini. Manakala akhiran cerita disudahi dengan gaya nasihat dan suruhan seperti firman Allah:

قُلِ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا لَبِثُوا لَهُ غَيْبُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ أَبْصِرَ بِهِ وَأَسْمِعُ
مَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَلِيٍّ وَلَا يُشْرِكُ فِي حُكْمِهِ أَحَدًا ﴿٢٦﴾

Maksudnya: “Katakanlah, Allah lebih mengetahui berapa lamanya mereka tinggal di gua tersebut. Baginya apa yang tersembunyi di langit dan di bumi. Alangkah terangnya penglihatannya dan alangkah tajam pendengarannya, Tidak ada seorang pelindung pun bagi mereka selain Dia, dan Dia tidak mengambil seorang pun menjadi sekutunya dalam menetapkan keputusannya.” (Surah al-Kahf, ayat 26).

Dalam ayat di atas Allah s.w.t menasihati dan menyuruh nabi Muhammad s.a.w supaya menyerahkan segala urusan berkaitan kisah ini kepadanya, kerana Dia sahajalah

yang mengetahui kisah ajaib ini dan manusia sebagai hamba hanya perlu mengikuti arahanNya supaya jangan menyekutuiNya dengan tiap-tiap sesuatu.

6.2 Analisis Wacana Cerita Zulqarnain.

Sebagai permulaan kepada perbincangan mengenai wacana kisah Zulqarnain, penulis ingin menyorot kembali tentang bagaimana timbulnya persoalan mengenai Zulqarnain sebagaimana yang dibahasakan dalam bab 5 disertasi ini. Kisah mengenai Zulqarnain dipaparkan dalam surah al-Kahf bermula ayat 83 hingga ayat 98. Sebagaimana yang dinyatakan dalam bab yang lepas. Penulis ingin menegaskan bahawa perbincangan mengenai siapakah Zulqarnain sebenarnya. Perlu dinyatakan bahawa wujud perbezaan yang ketara antara Alexander Of The Great dan Zulqarnain. Ini dibahasakan dalam bab kelima tesis ini.

Dapat difahami bahawa Zulqarnain adalah seorang raja yang diberikan kedudukan dan kekuasaan di muka bumi serta diberikan jalan dan pertunjuk untuk melakukan sesuatu. Dalam tafsir al-Jala:lainy, karangan Jala:luddin al-Sayu:tiyy dan Jalaluddin al-Mahalliyy menyebutkan bahawa Zulqarnain mendapat wahyu dalam bentuk ilham. (Alfareez Abd Razak Al-hafiz, (2009), 127).

Firman Allah:

حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ الشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِي عَيْنٍ حَمِئَةٍ وَوَجَدَ عِنْدَهَا قَوْمًا قَلِيلًا يَدْعُونَ الْقَرْنَيْنِ ۖ إِنَّمَا أَنْتَ تُعَذِّبُ وَإِنَّمَا أَنْتَ تَتَّخِذُ فِيهِمْ حُسْنًا ﴿٨١﴾

Maksudnya: “Hingga ketika dia telah sampai di tempat matahari terbenam, Dia melihat matahari terbenam di dalam laut yang berlumpur hitam, dan di sana ditemui satu kaum

yang tidak beragama. **Kami berfirman kepadanya, “Wahai Zulqarnain: “Engkau boleh menghukum atau berbuat kebaikan dan menyeru mereka supaya beriman”**, (Surah al-Kahf, ayat 86)

Ayat di atas membuktikan bahawa Zulqarnain mendapat wahyu dan ilham dari Allah untuk melakukan sesuatu tindakan.

Dan FirmanNya

قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّي فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّي جَعَلَهُ دَكَّاءَ
وَكَانَ وَعْدُ رَبِّي حَقًّا ﴿٩٨﴾

Maksudnya : “ *Dia (Zulqarnain) berkata “Ini (Tembok yang dibina) adalah satu rahmat dari Tuhanku , Maka apabila janji Tuhanku telah datang . Dia akan menghancurkannya : Dan janji Tuhan ku itu benar “* (Surah al-Kahf ayat 98)

Ayat di atas menjelaskan bahawa tindakan dan usaha yang dilakukan oleh Zulqarnain dalam membina tembok pemisah di antara kaum Yakjuj dan Makjuj dengan satu bangsa yang ditindas adalah satu rahmat yang dikurniakan Allah kepadanya. Tanpa rahmat dan pertolongan daripada Allah nescaya tembok pemisah tersebut tidak dapat dibina. Begitu juga dengan janji Allah kepadanya, bahawa tembok pemisah yang dibina akan dimusnahkan oleh Allah bila sampai waktunya.

6.2.1. Watak-watak Dalam Kisah Zulqarnain,

Dalam menyusuri kisah Zulqarnain melalui ayat-ayat al-Qur’an dan surah al-Kahf, dapat dinyatakan di sini bahawa terdapat beberapa tokoh atau watak yang menghidupkan jalan cerita. Watak utama dalam jalinan kisah ini ialah Zulqarnain. Watak utama ini telah dihuraikan dalam bab ke 5 dalam disertasi ini. Watak-watak yang membantu dalam

sorotan kisah dan peristiwa ini ialah tentera-tentera Zulqarnain, dan bangsa Barbar. Walaupun bangsa barbar ini tidak dinyatakan dengan jelas, namun para pengkaji sejarah telah mengenal pasti bahawa bangsa yang disebutkan dalam surah al-Kahf adalah terdiri daripada kaum Barbar. Dalam kajian yang dijalankan, penulis mendapati bahawa pertindihan pendapat mengenai bangsa yang tersebut. Ada pendapat lain yang mengatakan bahawa bangsa yang dimaksudkan dalam surah al-kahf adalah terdiri dari kaum atau bangsa Georgian, Kolchis dan Armenia yang tinggal berhampiran dan bersebelahan di kawasan selatan banjaran Kaukasus. (Alfareez Abd Razak Al-Hafiz, 2009, 160).

Bangsa Georgian, Kolchis dan Armenia inilah yang membantu Zulqarnain dalam pembinaan tembok atau dinding penghalang daripada ancaman Yakjuj dan Makjuj. Ini dinyatakan oleh Allah menerusi firmanNya:

قَالُوا يَا زُلْقَرْنَائِنِ إِنَّ يَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ مُفْسِدُونَ فِي
الْأَرْضِ فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ
سَدًّا

Maksudnya: “**Mereka berkata**, “Wahai Zulqarnain!, Sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj itu adalah makhluk yang suka membuat kerosakan di muka bumi, maka bolehkah kami membayar kepadamu bayaran atau upah supaya engkau dapat membina dinding (tembok) sebagai penghadang antara kami dan mereka”. (Surah al-Kahf, ayat 94)

Dari ayat di atas jelas menyatakan bangsa-bangsa tersebut menawarkan upah atau ganjaran kepada Zulqarnain untuk membina tembok pemisah dari ancaman Yakjuj dan

Makjuj, tetapi Zulqarnain enggan menerima upah ataupun ganjaran berupa wang ringgit atau pemberian.

6.2.2. Tempat Dan Masa Peristiwa Berlaku

Dalam menyusuri kisah Zulqarnain. Penulis dapat mengenalpasti beberapa tempat di mana peristiwa ini berlaku. Ini dapat dilihat melalui peristiwa perjalanan Zulqarnain ke arah terbenamnya matahari (barat), perjalanan ke arah terbitnya matahari (timur) dan pembinaan tembok penghalang dari Yakjuj dan Makjuj.

Dengan mengambil kira bahawa dia berasal dari dari Parsi (Iran), sebagaimana dihuraikan oleh Sala:h ‘Abd al-Fatta:h al-Kha:lidiyy, (1996, 2634) maka empayarnya melebar sehingga sampai ke Laut Hitam. Laut yang berlumpur hitam itu adalah Laut Hitam yang dasarnya dari lumpur hitam sehinggakan jika diambil gambarnya dari udara, ianya jelas kehitam-hitaman. Zulqarnain berjaya meluaskan empayarnya dengan menawan *Syria, Cappadocia, Pyirgian, Lydia, Carian, Phonecia, Babylon* serta beberapa wilayah dibawah jajahan takluknya seperti *Bactaria, India* dan *Cilician*. (Alfareez Abd Razak Al-Hafiz, 2009, 125 – 126)

Dalam perjalanannya ke arah Timur, beliau telah mengembara hingga ke *Afghanistan* dan berjaya menawan *Kiva* dan *Sodgiana*, kini dikenali dengan nama *Samarqand* dan *Bukhara*. (Alfareez Abd Razak Al-Hafiz, 2009, 125 – 126). Perjalanan Zulqarnain ke arah timur digambarkan menerusi firman Allah;

حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ مَطْلِعَ الشَّمْسِ وَجَدَهَا تَطَّلُعُ عَلَىٰ قَوْمٍ لَّمْ نَجْعَلْ لَهُم مِّن

دُونِهَا سِتْرًا ﴿٩٠﴾

Maksudnya; 'Hingga ketika dia sampai ke tempat terbitnya matahari (sebelah timur) didapatinya matahari bersinar di atas satu kaum yang tidak Kami buat suatu perlindungan untuk mereka dari cahaya matahari (Surah al-Kahf, ayat 90).

Dalam usaha Zulqarnain membina tembok pemisah di antara satu bangsa dengan Yakjuj dan Makjuj, beliau telah melalui satu wilayah yang dikenali sebagai *Derbent*, iaitu sebuah *wilayah Parsi* yang terletak di kawasan *Kaukasus* di wilayah *Dagistan* yang kedudukannya berada di sebelah *Laut Kaspia* dan sebelah selatannya terbinanya *tembok Kaukasus* yang juga dikenali dengan tembok atau *dinding Zulqarnain*. Menurut satu pendapat, ukuran tembok ini adalah 50 batu panjang, 29 kaki tinggi dan 10 kaki tebal. (Alfareez Abd Razakl Al-Hafiz, 2009, 140). Masa peristiwa ini berlaku telah dihuraikan dalam bab kelima tesis ini. Pendapat yang muktabar ianya berlaku antara tahun 529 hingga sebelum masihi, iaitu kira-kira 300 tahun sebelum masa Alexzender The Great, Cyrus. (Sala:h'Abdul Fattah, 1996, 261 – 263).

6.2.3. Motif Cerita

Antara motif cerita sebagaimana yang dipaparkan dalam surah al-Kahf adalah seperti berikut: (<http://quran.maktoob.com/vb/quran6225>)

I. Motif utama pada penceritaan kisah Zulqarnain adala sebagai jawapan kepada persoalan yang dikemukakan oleh kaum kafir Quraish kepada nabi Muhammad S.A.W mengenai seorang lelaki yang diberikan kekuasaan memerintah negara-negara sebelah timur dan barat sehingga beliau digelar Zulqarnain “yang mempunyai dua tanduk”. Kisah mengenai lelaki tersebut dinyatakan oleh Allah sebagai jawapan terhadap soalan yang dikemukakan.

ii. Raja Zulqarnain telah dikurniakan pemerintahan yang teguh dan luas naungannya, namun demikian dia tetap patuh dan taat kepada Allah. Dia tidak merasa takbur dan sombong dengan apa yang dikurniakan Allah kepadanya

iii. Sebagai model pemerintahan sebuah empayar yang adil, di mana hubungan baik antara raja atau pemerintah dengan rakyat harus dikekalkan dalam pemerintahan sesebuah negara atau negeri. Dengan adanya sikap ini, kerajaan akan menjadi teguh dan kehidupan rakyat akan menjadi harmoni dan aman.

iv. Raja Zulqarnain mempunyai kekuatan, keimanan dan juga ilmu pengetahuan yang luas. Dengan itu dia boleh membina sebuah empayar yang besar dan memerintah dengan adil serta mampu melindungi rakyat yang dizalimi. Ini boleh dijadikan sebagai role model yang terbaik kepada mana-mana pemerintah di bumi ini dan bukan sekadar menjadi kisah sejarah yang luput dek masa dan zaman.

v. Raja Zulqarnain diberikan kekuasaan, ilmu yang luas meliputi politik, kejuruteraan dan sebagainya. Dia patut dijadikan model terbaik bagi setiap penguasa atau pemerintah di sepanjang zaman.

6.2.4. Penggunaan Perkataan

Terdapat banyak perkataan yang terdapat dalam kisah Zulqarnain yang perlu dihuraikan bagi menjelaskan kesamaran yang mungkin timbul akibat ketidakfahaman

yang mendalam daripada perkataan tersebut. Ini dapat dinyatakan seperti di bawah:

1. Perkataan “ ذِكْرًا ” (peringatan melalui wahyu al-Qur’an). (Muhammad ‘Ali al-Sa:bu:niyy, 1981, 204).. Perkataan ini terdapat pada potongan ayat:

{ قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا }

Maksudnya: “Katakanlah wahai Muhammad, Akanku bacakan (ceritakan) kepada kamu tentang ceritanya (melalui wahyu)” (Surah al0-Kahf, ayat 83)

2. Perkataan “ سَبَبًا ” (sebab). Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

وَعَاثَيْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا

Maksudnya: “Kami memberikan jalan kepadanya untuk mencapai segala sesuatu”(Surah al-Kahf , ayat 84)

Menurut Ibn ‘Abbas, Muja:hid dan lain-lain ia bermaksud *ilmu* yang dianugerahkan oleh Allah bagi mencapai segala kehendak. (Ibn Kathi:r, t,t, 186). Pendapat lain mengatakan ia bermaksud jalan dan tempat yang dilalui oleh zulqarnain dalam pengembaraannya arah timur dan barat. (Ibn Kathi:r, t,t, 187). Al-Zamakhshariyy (1966, 497) pula berpendapat ia adalah jalan dan sebab yang boleh memudahkan sesuatu hajat dicapai samada dengan ilmu, kekuasaan dan peralatan.

3. Perkataan “ حَمِيَّةٌ ” (air laut yang bercampur dengan tanah hitam). Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat :

حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ مَغْرِبَ الشَّمْسِ وَجَدَهَا تَغْرُبُ فِي عَيْنٍ حَمِئَةٍ

Maksudnya: “*Sehingga ketika dia sampai ke negeri tempat terbenamnya matahari,,didapati matahari terbenam di laut yang berlumpur hitam*” (Surah al-Kahf, ayat 86).

Ia bererti, air laut yang bercampur dengan tanah hitam.Pendapat ini diberikan oleh al-Tabariyy dan lain-lain. (Ibn Kathi:r, t,t, 188). Pendapat ini disokong oleh Zamakhshariyy dalam tafsirnya al-Kassha:f.

4. Perkataan “ **حُسْنًا** ” (kebaikan) yang dimaksudkan dengan kebaikan di sini ialah jalan keimanan dan hidayah. (Muhammad ‘Ali al-Sa:bu:niyy, 1981, 205) .Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat :

﴿٨٦﴾ قُلْنَا يٰۤاٰدَمُ اٰمَّا اَنْ تَعْبُدَ وَاِمَّا اَنْ تَتَّخِذَ فِيْهِمْ حُسْنًا

Maksudnya: “ *Kami berkata, Hai Zulqarnain ! Engkau boleh menghukum mereka atau engkau memperlakukan dengan baik.* (Surah al-Kahf, ayat 86).

5. Perkataan “ **نُكْرًا** ” (pedih dan dahsyat). (Ibn Kathi:r, t,t, 160).. Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

فَيُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا نُّكْرًا

Maksudnya: “ *Maka Tuhan akan menyeksanya dengan seksaan yang amat keras.*” (Surah al-Kahf, ayat 87)

6. Perkataan “ **يُسْرًا** ” (kemudahan) . Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

وَسَنَقُولُ لَهُ مِنْ أَمْرِنَا يُسْرًا ﴿٨٨﴾

Maksudnya: “ Dan Kami akan memerintahkan kepadanya perintah yang ringan. (mudah)” (Surah al-Kahf , ayat 88). Ia membawa maksud kemudahan untuk melakukan sesuatu. ((Ibn Kathi:r, t,t, 160).

7. Perkataan “ الْحُسْنَى ” Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

فَلَهُمْ جَزَاءٌ الْحُسْنَىٰ

Maksudnya: “Maka baginya mendapat balasan yang baik” (Surah al-Kahf ayat, 88) ((balasan nikmat syurga) . (Muhammad ‘Ali al-Sa:bu:niyy, 1981, 205).

8. Perkataan “ سِتْرًا ” (pelindung atau pendinding). (Muhammad ‘Ali al-Sa:bu:niyy, 1981, 205). Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

وَجَدَهَا تَطَّلِعُ عَلَىٰ قَوْمٍ لَّمْ نَجْعَلْ لَهُم مِّنْ دُونِهَا سِتْرًا ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “ didapatinya (matahari) terbit pada satu bangsa yang tidak Kami adakan pelindung bagi mereka” (Surah al-Kahf, ayat 90).

9. Perkataan “ السَّدَّيْنِ ” (dua buah gunung yang bersebelahan). Di antara dua buah gunung ini terdapat sebuah lubang tempat keluar masuknya bangsa Yakjuj dan Makjuj untuk melakukan kerosakan di muka bumi. (Ibn Kathi:r, t,t, 161). Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ بَيْنَ السَّدَّيْنِ وَجَدَ مِنْ دُونِهِمَا قَوْمًا

Maksudnya: “ *Sehingga ketika dia sampai di antara dua gunung, didapatinya di sebelah kedua-duanya satu bangsa*” (Surah al-Kahf, ayat 93).

10. Perkataan “ سَدًّا ” Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

فَهَلْ نَجْعَلُ لَكَ خَرْجًا عَلَىٰ أَنْ تَجْعَلَ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ سَدًّا ﴿٩٤﴾

Maksudnya: “ *Bolehkah kami memberi upah kepada engkau supaya engkau dapat membina dinding (tembok) antara kami dengan mereka?*” (Surah al-Kahf, ayat 94).

(tembok atau benteng) (Sala:h 'Abd al-Fatta:h al-Kha:lidiyy, 1996, 241). Tembok yang dimaksudkan di sini ialah pendinding yang dibina oleh Zulqarnain bagi menghalang dari bangsa Yakjuj dan Makjuj.

11. Perkataan “ زُبْرَ الْحَدِيدِ ” Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

عَاتُونِي زُبْرَ الْحَدِيدِ ط

Maksudnya: “*Berikan kepadaku potongan-potongan besi yang besar*).

12. Perkataan “ الصَّدَقَيْنِ ” (dua puncak gunung yang tinggi). (Sala:h 'Abd al-Fatta:h al-Kha:lidiyy, 1996, 241). Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

حَتَّىٰ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ الصَّدَقَيْنِ قَالَ أَنْفُخُوا ط

Maksudnya: “ *Sehingga ketika besi-besi itu telah menyamai kedua-dua tebing gunung itu, dia berkata: Tiupkan api itu!*” (Surah al-Kahf, ayat 96)

13. Perkataan “ قَطْرًا ” (cairan tembaga panas). Cairan tembaga yang panas ini dituangkan ke atas cerucuk besi di antara dua buah gunung sebagai mengukuhkan tembok yang dibina. (Muhammad ‘Ali al-Sa:bu:niyy, 1981, 205). Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

حَتَّىٰ إِذَا جَعَلَهُ نَارًا قَالَ آتُونِي أُفْرِغَ عَلَيْهِ قِطْرًا ﴿٩٦﴾

Maksudnya: “ *Ketika besi-besi itu telah menjadi seperti api, dia berkata pula, berikanlah kepadaku cairan tembaga supaya ku dapat tuangkan ke atasnya.*” (Surah al-Kahf, ayat 96).

14. Perkataan “ نَقْبًا ” (menebuk atau melubangkannya). Perkataan ini dinyatakan dalam potongan ayat:

وَمَا اسْتَطَعُوا لَهُ نَقْبًا ﴿٩٧﴾

Maksudnya: “ *Dan mereka tidak mampu menebuk tembok tersebut.*” (Surah al-Kahf, ayat 97)

Tembok yang dibina oleh Zulqarnain ini terlalu kukuh hinggakan ianya tidak dapat ditembusi oleh bangsa Yakjuj dan Makjuj. (Muhammad ‘Ali al-Sa:bu:niyy, 1981, 206).

15. Perkataan “ دَكَّاءٌ ” (hancur luluh). Tembok yang dibina tersebut akhirnya akan dimusnahkan Allah bila tiba waktunya. Inilah janji Allah seperti firnannya:

قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّيٰ فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّيٰ جَعَلَهُ دَكَّاءَ
 وَكَانَ وَعْدُ رَبِّيٰ حَقًّا ﴿٩٨﴾

Maksudnya: “ *Dia (Zulqarnain) berkata, Tembok ini adalah satu kurniaan dari Tuhanku, maka apabila janji Tuhanku sudah tiba, Dia akan menghancurkan luluhkannya: dan janji Tuhanku itu benar.*” (Surah al-Kahf , ayat 98).

6.2.5 Wacana Dan Dialog Lisan.

Wacana lisan yang terdapat dalam kisah Zulqarnain bermula ayat 83 hingga ayat 98 mengandungi kesinambungan atau untaian wacana, seperti mana yang terdapat dalam kisah yang lain. Terdapat ikatan dan kesinambungan yang tepat antara satu ayat dengan ayat yang lain. Melalui ayat-ayat tersebut, kisah atau penceritaan dapat disampaikan dengan sempurna. Melalui wacana cerita ini, beberapa elemen wacana seperti *menyapa, menegur, bertanya, meyakinkan, memberi komen* dan sebagainya dapat dijelmakan secara berpadu. (Brown, 1980, 189 – 190)

Daripada penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat struktur wacana cerita yang ideal seperti awalan cerita, pertengahan cerita dan akhiran. di mana peristiwa atau kisah dimulakan dengan awalan cerita seperti dinyatakan pada ayat 83 surah al-kahf. Awalan cerita ini dipaparkan dengan berkesan bagi menerangkan bahawa cerita dapat disampaikan dengan ideal .

Firman Allah (s.w.t):


وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْقَرْنَيْنِ ۗ قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِنِّهُ ذِكْرًا ﴿٨٣﴾

Maksudnya: “ Dan mereka bertanya kepada engkau (Muhammad) tentang Zulqarnain, Katakanlah! Akan ku bacakan (ceritakan) kepada kamu sebagai peringatan” (Surah al-Kahf, ayat 83)

Begitu juga dengan bentuk dan elemen wacana cerita yang digunakan. Bentuk yang dipaparkan dalam kisah Zulqarnain dapat dilihat pada cara, gaya, susunan, narasi dan slot penceritaan yang menarik, di samping mempunyai ciri penceritaan, jalan cerita serta beberapa ciri lain. Elemen-elemen wacana cerita seperti di atas terdapat pada setiap ayat-ayatnya. Di bawah ini dinyatakan beberapa contoh elemen-elemen tersebut:

1. Memberitahu Dan Mengkhabarkan

Elemen ini terdapat di awalan wacana penceritaan dan di beberapa tempat dan ayat yang berikutnya. Ini dapat dilihat pada awalan cerita seperti firman Allah sebagai pembuka cerita, dan dinyatakan dengan slot penceritaan yang menarik.

 وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ ذِي الْقُرْنَيْنِ قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا

Maksudnya: “Dan mereka bertanya kepada engkau (wahai Muhammad) tentang Zulqarnain!, Katakanlah (kepada mereka) Aku akan bacakan kepada kamu akan kisahnya!” (Surah al-Kahf, ayat 83).

Dalam ayat di atas, terdapat dua elemen wacana cerita, yaitu perkhabaran (memberitahu) dan suruhan. Allah memberitahu Nabi Muhammad tentang pertanyaan yang dikemukakan kepadanya oleh kafir Quraish berkenaan kisah Zulqarnain. Ini disusuli dengan suruhan dengan menggunakan lafaz قُلْ (katakanlah). Lafaz قُلْ merupakan kata kerja suruhan (فِعْلُ الْأَمْرِ). Penggunaan lafaz قُلْ, ini kerap dinyatakan

dalam ayat-ayat al-Qur'an sebagai suruhan Allah kepada pesuruhnya nabi Muhammad S.A.W. Sebagai menyatakan jawapan kepada setiap persoalan atau isu dan narasi wacana. Sebagai contoh ini dinyatakan dalam surah النَّاسِ , الصَّمَدُ , الْفَلَقِ , dan di beberapa tempat yang lain, di mana ianya dimulai dengan lafaz قُلْ . Sebagai memulakan jawapan kepada persoalan tersebut, disusuli dengan klausa سَأَتْلُوْا iaitu “akanku bacakan atau ceritakan kepada kamu”. Slot wacana pada awalan kisah dinyatakan dengan ringkas dan padat.

2. Menguatkan dan meyakinkan.

Pada awal ayat berikutnya di nyatakan isi cerita wacana dengan menggunakan gaya bahasa penegasan, “*uslu:b al-Tauwki:d*”. Firman Allah:

إِنَّا مَكَّنَّا لَهُ فِي الْأَرْضِ وَءَاتَيْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami telah memberi kedudukan kepadanya (Zulqarnain) di bumi, dan Kami memberikan kepadanya jalan untuk mencapai segala sesuatu.*” (Surah al-Kahf, ayat 84)

Dalam ayat di atas, dimulakan dengan lafaz إِنَّا (sesungguhnya kami), terdiri daripada dua perkataan iaitu إِنَّ (sesungguhnya) dan dhami:r ان singkatan dari نَحْنُ (kami). Penggunaan “*uslu:b Tauwki:d*” إِنَّا seperti di awalan ayat di atas sebagai menguatkan hujah penceritaan atau narasi cerita. Penggunaan gaya bahasa ini juga telah dinyatakan pada kisah Asha:b al-Kahf sepertimana yang telah dihuraikan sebelum ini.

Penegasan dengan menggunakan uslub tauwki:d ini adalah sebagai satu cara meyakinkan mukha:tab (pihak kedua) tentang sesuatu berita yang hendak disampaikan. Dalam pembahasan ilmu balaghah, untuk menguatkan sesuatu kata atau hujah terutamanya bila sesuatu perkhabaran itu disampaikan dalam situasi di mana pendengar atau kumpulan sasar merasakan ragu (أَنْ يَكُونَ الْمُخَاطَبُ مُتَرَدِّدًا) maka teknik gaya bahasa ini digunakan. (‘Aliy al-Ja:rim Wa Mustafa: Ami:n, t.t. 155 – 156).

3. Memperjelaskan

Elemen ini terdapat pada kebanyakan ayat-ayat wacana cerita yang dimuatkan dalam kisah ini.

Sebagai contoh dinyatakan di sini beberapa ayat penceritaan yang menggunakan elemen ini.

Firman Allah:

قَالَ أَمَّا مَنْ ظَلَمَ فَسَوْفَ نُعَذِّبُهُ ثُمَّ يُرَدُّ إِلَىٰ رَبِّهِ فَيُعَذِّبُهُ عَذَابًا نُكْرًا



Maksudnya: “ Dia (Zulqarnain) berkata, “ Barang siapa yang melakukan kezaliman, Kami akan menghukumnya, lalu dia akan dikembalikan kepada Tuhannya, lalu menimpakan azabnya yang sangat keras”. (Surah al-Kahf , ayat 87).

Dalam ayat di atas, Allah (s.w.t) berfirman melalui lidah watak utama kisah ini iaitu Zulqarnain supaya menjalankan misi dakwah keimanan dengan berkata dan mengarahkan raja dan rakyat sesebuah negeri dan wilayah supaya beriman dengan Allah yang Esa, dan barangsiapa yang engkar akan menerima padah melalui peperangan.

Dan firman Allah:

حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ مَطْلِعَ الشَّمْسِ وَجَدَهَا تَطْلُعُ عَلَىٰ قَوْمٍ لَّمْ نَجْعَلْ لَهُم مِّن

دُونَهَا سِتْرًا ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “ Hingga tatkala dia sampai di tempat terbitnya matahari, (sebelah timur) didapati matahari bersinar di atas satu kaum yang tidak Kami buat suatu perlindungan bagi mereka itu dari (sinaran matahari). (Surah al-Kahf , ayat 90).

Dan firman Allah:

كَذَٰلِكَ وَقَدْ أَحَطْنَا بِمَا لَدَيْهِ خُبْرًا ﴿٩١﴾ ثُمَّ أَتْبَعَ سَبْعًا ﴿٩٢﴾

Maksudnya: “ Demikianlah, dan sesungguhnya Kami mengetahui segala sesuatu yang ada padanya.” Kemudian dia menempuh (melalui jalan yang lain lagi” (Surah al-Kahf, ayat 91 – 92).

Penjelasan isi wacana cerita dalam ayat -ayat di atas mengandung peristiwa kisah yang disampaikan melalui gaya bahasa insha’iyy dan khabariyy yang berkesan.

4. Menyeru Dan Bertanya

Elemen ini dapat dilihat dalam firman Allah:

قَالُوا يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ مِمَّا فِي آيَاتِنَا وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم سُبْحًا وَلَا لَيْلًا وَمِمَّا أَرَبْنَا لَكُمْ فَلْيَسْأَلُوا رَبَّهُمْ يَوْمَئِذٍ هُمْ كَارِفُونَ ﴿٩٣﴾

سَدًّا ﴿٩٤﴾

Maksudnya: “ Mereka berkata kepada Zulqarnain, **Wahai** Zulqarnain!, Sesungguhnya bangsa Yakjuj dan Makjuj itu selalu melakukan kerusakan di muka bumi, maka bolehkah

kami membayar upah kepadamu supaya engkau dapat membina tembok penghalang di antara kami dengan mereka? (Surah al-Kahf, ayat 94).

Dalam ayat di atas, penggunaan elemen seruan terdapat pada perkataan يَا (Wahai). Kata seruan ini diajukan oleh satu kaum yang ditindas oleh Yakjuj dan Makjuj, menyuruh, menyeru dan meminta supaya Zulqarnain dapat memberikan bantuan untuk membina tembok pemisah. Dalam ilmu balaghah, nada dan kata seruan ini dibincangkan dalam cabang الإنشاء الطلبيّ (Seruan). (Ha:shim al-Ri:b, 1986, 166).

Dalam ayat yang sama, digunakan elemen pertanyaan atau uslub al-istifha:m أَسْئَلُ (Adakah). Ini juga dibahasakan dalam ilmu balaghah Arab. Tujuan digunakan kata tanya ini adalah untuk permintaan dan beserta tawaran dan ianya dikategorikan sebagai kata tanya hakiki, أَلِاسْتِفْهَامُ الْحَقِيقِيُّ. Mengikuti jalinan kisah, bangsa yang selalu ditindas oleh Yakjuj dan Makjuj meminta Zulqarnain membina tembok pemisah bagi menghalang Yakjuj dan Makjuj terus melakukan penindasan terhadap mereka.

Elemen suruhan terdapat dalam firman Allah seperti berikut:

قَالَ مَا مَكَّنِّي فِيهِ رَبِّي خَيْرٌ فَأَعِينُونِي بِقُوَّةٍ أَجْعَلْ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ رَدْمًا



Maksudnya: “ *Dia (Zulqarnain) berkata.*” *Apa yang dianugerahkan kepadaku oleh Tuhanku adalah lebih baik dari bayaran upah (membina tembok), maka oleh itu bantulah aku! Dengan segala kekuatan supaya dapat aku membina tembok pemisah di antara kamu dengan mereka (Yakjuj dan Makjuj).* (Surah al-kahf, ayat 95).

Ayat فَاعِينُونِي (maka, bantulah aku!) membawa maksud arahan dan permintaan. Dengan menggunakan lafaz dan kata kerja suruhan (فِعْلُ الْأَمْرِ) ini, suruhan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam konteks wacana cerita ini, dapat diperjelaskan bahawa Zulqarnain menyuruh dan meminta bangsa yang selalu ditindas oleh Ya'ju:j dan Ma'ju:j supaya membantu dan menolong beliau untuk membina tembok pemisah tersebut. Dalam ayat di atas lafaz فَاعِينُونِي digunakan dan bukannya فَسَاعِدُونِي, di mana kedua-duanya mempunyai pengertian yang sama. Ini adalah satu elemen mukjizat al-Qur'an dari sudut penggunaan lafaz yang seimbang dengan lafaz-lafaz ayat.

Begitu juga dengan ayat yang berikutnya yang mengandungi suruhan seperti firman Allah:

عَاتُونِي زُبَرَ الْحَدِيدِ حَتَّىٰ إِذَا سَاوَىٰ بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ قَالَ أَنْفُخُوا حَتَّىٰ إِذَا
 جَعَلَهُ نَارًا قَالَ عَاتُونِي أُفْرِغْ عَلَيْهِ قِطْرًا ﴿٩٦﴾

Maksudnya: “ **Berilah kepadaku potongan-potongan besi!, hingga apabila ia sudah terpasang samarata di antara kedua-dua puncak gunung, dia berkata; Tiuplah api itu !, Setelah besi itu menjadi merah seperti api, dia pun berkata; Berilah kepadaku tembaga!** yang mendidih supaya dapatku tuangkan ke atas potongan-potongan besi tersebut” (Surah al-Kahf , ayat 96).

Terdapat tiga ayat suruhan dalam ayat wacana di atas, Semuanya digunakan dalam bentuk kata kerja suruhan (فِعْلُ الْأَمْرِ).

Pertamanya, عَاتُونِي (Berilah padaku!)

Kedua , أَنْفُخُوا (Tiuplah!)

dan ketiga, **ءَأْتُونِي** sebagai ulangan kepada ayat suruhan yang pertama.

6.2.6 Beberapa Aspek Balaghah

Sebagaimana yang diuraikan dalam kisah Asha:b al-Kahf, terdapat juga aspek atau ciri balaghah dalam ayat-ayat al-Qur'an mengenai kisah Zulqarnain. Ini dapat diperjelaskan seperti berikut:

- (I) Ciri atau aspek **ا الطَّبَاقُ** pada ayat 86 dan 90 daripada surah al-Kahf. Ini dapat dilihat pada penggunaan lafaz **مَطْلَعِ الشَّمْسِ / مَغْرِبِ الشَّمْسِ** (tempat terbit matahari dan tempat terbenamnya matahari), (Muhammad 'Ali: al-Sa:bu:niyy, 1981 , 208 -209)
- (ii) Penggunaan aspek tashbi:h **التَّشْبِيْهَ** " **جَعَلَهُ نَارًا** " pada potongan ayat (menjadikannya seperti api panas). Ini merujuk kepada potongan-potongan besi yang didirikan dan ditiupkan api padanya hingga menjadi seperti api. Penggunaan tashbih seperti ini menggambarkan bahawa potongan-potongan besi yang dipasang antara dua puncak gunung menjadi kemerahan seperti api.(Muhammad 'Ali: al-Sa:bu:niyy, 1981 , 208 -209)
- (iii) Sebagaimana yang dinyatakan pada keistimewaan al-Qur'an pada kisah asha:b al-Kahf yang lepas, Keistimewaan ini dapat dilihat pada perkataan di akhir setiap ayat-ayat wacana yang diakhiri dengan penggunaan rima akhir yang seimbang. Perkataan-perkataan tersebut ialah seperti berikut:

(ذِكْرًا) (سَبَبًا) (قَوْمًا) (حُسْنًا) (نُكْرًا) (يُسْرًا) (سِتْرًا) (خُبْرًا) (قَوْلًا) (سَدًّا)
 (رَدْمًا) (قَطْرًا) (نَفْبًا)

Perkataan-perkataan di atas diakhiri dengan rima akhir yang sama, di mana ia menunjukkan kesamarataan rima akhir yang menarik dengan makna yang berlainan. Ini merupakan salah satu kemukjizatan al-Qur'an yang tidak ada tolok bandingnya. Ia dikategorikan dalam mukjizat dari sudut lafaz dan makna.

6.2.7 Struktur Wacana

Wacana penceritaan dalam kisah ini juga kelihatan lebih ideal, kerana ia mempunyai daya kohesi yang amat besar dalam suatu interaksi. Sebagaimana kisah Asha:b al-Kahf, kisah Zulqarnain juga mengandungi awalan, pertengahan dan juga akhiran. Dalam kisah ini, ia dimulakan dengan awalan dengan gaya tersendiri seperti firman Allah s.w.t :

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الَّذِينَ طُفِّلُوا مِنَ الْقَرْيَةِ الَّتِي لَمْ يُخَلِّقْنَا لَهَا قَوْمًا قَدِيمًا قُلْ سَأَتْلُوا عَلَيْكُمْ مِنْهُ ذِكْرًا

Maksudnya: “Dan mereka bertanya kepadamu wahai Muhammad tentang Zulqarnain,. Katakanlah: Akan aku bacakan kepada kamu akan kisahnya.” (Surah al-kahf ayat; 83)

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t menyatakan bahawa kaum mushrikin Mekah bertanyakan kepada pesuruhNya Muhammad s.a.w tentang kisah Zulqarnain dan sebagai menjawab pertanyaan yang dikemukakan itu, Allah mewahyukan kepadanya supaya menceritakan kisah ini sebagai pengajaran dan peringatan. Seterusnya kisah ini disusuli dengan isi dan kandungan kisah sebagaimana dihuraikan sebelum ini.

Sebagai mengakhiri cerita Allah berfirman:

قَالَ هَذَا رَحْمَةٌ مِّن رَّبِّيٰ فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ رَبِّيٰ جَعَلَهُ دَكَّاءَ
وَكَانَ وَعْدُ رَبِّيٰ حَقًّا ﴿٩٨﴾

Maksudnya: “ *Dia (Zulqarnain) berkata, Tembok ini adalah satu kurniaan dari Tuhanku, maka apabila janji Tuhanku sudah tiba, Dia akan menghancurkan luluhkannya: dan janji Tuhanku itu benar.* ” (Surah al-Kahf , ayat 98).

Kisah ini diakhiri dengan gaya perkhabaran sebagai akhiran yang ringkas dan padat. Kekuasaan dan pemerintahan yang dianugerahkan kepada Zullqarnain adalah satu rahmat dari Allah s.w.t.. Rahmat ini adalah anugerah besar yang kepadanya dan janji Allah itu benar dan Allah tidak pernah memungkiri janji.

6.3 Penutup

Dalam analisis dua wacana kisah yang dinyatakan seperti di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa elemen wacana yang digunapakai dalam membina dan membentuk untaian kisah yang dimulakan dengan awalan, pertengahan dan diakhiri dengan akhiran kisah. Elemen-elemen tersebut meliputi peristiwa kisah, watak-watak kisah, tempat dan masa ianya berlaku. Walaupun elemen-elemen ini tidak dinyatakan secara jelas dalam ayat-ayat kisah, namun melalui latarbelakang kisah, penulis berjaya memberikan penerangan dan analisis yang dapat memperjelaskan kajian. Ini dapat dilakukan dengan berpandukan buku-buku rujukan, pemerhatian dan pemahaman berkenaan kisah melalui beberapa sumber lain seperti filem, rencana dan sumber laman web yang tertentu.

Slot penyampaian yang digunakan dalam kedua-dua kisah di atas disampaikan dengan berkesan, di mana adegan-adegan kisah disepadukan dan dijalinan menjadi satu untaian kisah yang padat dan jelas. Inilah yang dinamakan keistimewaan al-Qur'an dalam menceritakan sesuatu kisah dengan ringkas dengan menggunakan pelbagai uslub (gaya) bahasa retorik (balaghah) . Penulis hanya menganalisis beberapa elemen atau aspek retorik dalam aspek dialog wacana lisan secara ringkas dengan mengambil kira bahawa analisis yang dijalankan meliputi banyak aspek yang perlu dinyatakan. Ini bertepatan dengan tajuk kajian ini, iaitu “Wacana Cerita dalam al-Qur'an: Satu Kajian Dalam Surah al-Kahf”,

Dalam bab analisis ini, penulis hanya memilih dua kisah untuk dianalisis tanpa menafikan bahawa kisah-kisah lain yang terdapat dalam surah al-Kahf tidak mempunyai kepentingannya. Pemilihan dua kisah, iaitu Asha:b al-Kahf (Penghuni-penghuni Gua) dan kisah Zulqarnain jarang kedapatan dalam kajian-kajian. Ia hanya dibincangkan secara penceritaan umum tanpa menghuraikannya dengan mendalam.

Sebagai akhirnya, penulis merumuskan di sini bahawa analisis yang dijalankan terdapat banyak kekurangannya dan perlu ditokoktambah atau diperjelaskan dalam kajian-kajian yang akan datang. Adalah mustahil untuk membicarakan tentang ke semua aspek berkenaan kedua-dua kisah ini dalam satu kajian yang ringkas ini. Namun begitu, penulis berpendapat kajian ini dapat dijadikan satu pembuka jalan bagi pengkaji-pengkaji bagi menyoroti dan menganalisis kisah-kisah dan wacana penceritaan dalam terdapat dalam al-Qur'an. Terdapat banyak lagi kisah yang perlu dibuat kajian. Ini sedikit sebanyak dapat memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat tentang peristiwa kisah melalui pendekatan analisis wacana.